

Menuntut ilmu penting dalam kehidupan

[FOTO HIASAN]

Kuala Lumpur: Bergelar usahawan siswa pada usia muda sehingga mampu menjana keuntungan ribuan ringgit tidak seharusnya membuatkan pelajar universiti awam (UA) di negara ini melupakan hasrat untuk meneruskan pengajian masing-masing sebaliknya menjadikan peluang itu sebagai saluran pembelajaran sepanjang hayat.

Bagi pelajar Universiti Malaya (UM), Noorain Mohd Said, 26, kejayaan yang diraih dengan menjual produk menanggalkan bulu pada badan 'Norah Wax' sudah boleh membuatkan beliau tersenyum lebar kerana berjaya meraih pulangan membanggakan sehingga mampu membuka wisma sendiri di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Meskipun begitu, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan (Kimia) itu masih memilih untuk meneruskan pengajian beliau kerana berpendapat menuntut ilmu itu penting dalam urusan kehidupan seseorang insan.

"Saya berpegang kepada dua pepatah Melayu lama iaitu tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad dan ilmu jambatan hidup."

"Pepatah itu membuktikan bahawa ilmu itu sangat penting dalam kehidupan kita dan saya pegang sehingga ke hari ini."

"Bergelar pelajar pada zaman yang serba mencabar ini, saya perlu jadi lebih realistik kerana ilmu dan pendidikan sangat penting untuk bersaing serta menonjolkan diri dalam bidang yang diceburi," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Tangani kelemahan

Selain diberi pendedahan mengenai ilmu dalam bidang yang dipelajari, bakal guru itu juga berpendapat, proses pembelajaran itu memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk belajar mengenai aspek lain, termasuk disiplin, pengurusan masa dan cara menyelesaikan masalah.

"Pada masa depan, saya percaya kelayakan akademik yang diperoleh itu juga akan memberi motivasi dan contoh kepada generasi muda lain kerana semua orang mampu berjaya dalam akademik serta perniagaan jika ada usaha bersungguh-sungguh."



"Tidak dinafikan, bergelar pelajar dan usahawan dalam satu masa adalah satu perkara yang mencabar. Saya perlu bijak mengatasi kelemahan diri sendiri dan juga berdepan saingan daripada masyarakat, persekitaran serta media sosial."

"Meskipun begitu, jika seseorang pelajar sudah tahu hala tuju mereka dalam perniagaan yang ingin diceburi dan mempunyai perancangan untuk memastikan perkara itu berjaya ia mampu direalisasikan," katanya.

Sementara itu, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Noorazeaty Maulad

Mohd Khalif yang juga pemilik produk Delish Chocolate, pula berkata bergelar usahawan siswa membuka lebih banyak peluang kepada beliau untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada pihak universiti atau agensi berkaitan.

Selok belok berniaga

"Zaman sekarang ini terlalu ramai orang ingin bergelar usahawan, jadi pencapaian dalam pendidikan yang akan membezakan antara saya dan mereka di luar sana."

"Pada masa sama, saya juga boleh membuktikan bahawa pelajar juga boleh

berjaya dalam perniagaan sekiranya mereka mempunyai strategi dan perancangan yang tepat."

"Bergelar usahawan siswa membuka banyak ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam program keusahawanan yang dianjurkan universiti, kementerian atau agensi kerajaan lain."

"Melalui program yang disertai, sekali gus membolehkan saya mempelajari dengan lebih mendalam mengenai selok-belok dunia perniagaan yang mana tidak dapat diperoleh dengan mudah jika saya tidak bergelar mahasiswa," katanya.



Noorazeaty Maulad
Mohd Khalif



Noorain Mohd Said

Usahawan siswa membuka peluang pekerjaan kepada komuniti sekali gus menjadi 'job creator'.